

# Pilih kerajaan baru cara demokrasi: Dr Mahathir

Oleh Kadir Dikoh

BH 14 APR 2001

KUALA SELANGOR, Jumat – Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini mencabar pihak tertentu yang tidak suka kepada kerajaan sedia ada supaya berhadapan secara sihat melalui amalan demokrasi pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, mereka boleh memilih kerajaan yang baru secara demokrasi tetapi bukan melalui demonstrasi jalanan untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih rakyat.

“Tetapi kalau orang ramai (majoriti) memilih kerajaan sedia ada, ini adalah hak mereka dan pihak yang dipilih itu mestilah diterima sebagai orang yang layak menjadi kerajaan, layak melaksanakan rancangan (pembangunan) dan penguatkuasaan undang-undang.

“Namun, ada pihak tertentu yang merancang untuk mengadakan rusuhan menggunakan bahan letupan dan lain-lain kononnya untuk menggulingkan kerajaan. Inilah hasrat mereka yang kononnya menuntut keadilan, menuntut demokrasi.

“Ini bermakna bahawa mereka sebenarnya tidak faham demokrasi. Kalau faham demokrasi, maka perlulah tunggu lima tahun

(lagi) apabila kita mengadakan pilihan raya.

“Pada masa itu, silalah bertanding dengan cara yang tertib, jangan sekat orang mengundi dan benar semua menggunakan hak mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada Majlis Mesra Rakyat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor petang ini.

Kira-kira 5,000 orang hadir termasuk pegawai dan kakitangan kerajaan, pemimpin masyarakat dan ahli parti komponen Barisan Nasional.

Terdahulu, beliau yang juga Presiden Umno mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa Umno bahagian Kuala Selangor dan Selayang di Kompleks Umno, Bahagian Kuala Selangor.

Sebelum itu, Perdana Menteri memulakan lawatan kerja seharinya ke Selangor dengan mengadakan pertemuan tertutup dengan perwakilan Umno Bahagian Gombak dan Hulu Langat di Dewan Serbaguna AU2, Taman Sri Keramat.

Perdana Menteri berkata, pihaknya sedar ada kumpulan tertentu yang pergi ke negara jiran dan memberitahu rakan mereka di sana bahawa mere-

ka juga ingin melakukan rusuhan seperti yang tercetus di negara terbabit sehingga berjaya menggulingkan kerajaan.

Katanya, kumpulan terbabit merancang meniru kaedah itu untuk mengganas dan mengadakan rusuhan supaya dengan tindakan berkenaan, kerajaan di sini dapat digulingkan.

Beliau berkata, sebagai contoh, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor bercakap mengenai demokrasi tetapi pada masa sama membenarkan serta merestui penyokongnya mengambil bahagian dalam demonstrasi dan rusuh.

“Alhamdulillah... majoriti rakyat, pegawai dan kakitangan kerajaan faham peranan masing-masing. Kerjasama erat terjalin antara kakitangan kerajaan dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

“Sebab itulah negara kita aman dan kita dapat membangun dengan pesat. Saya berharap keadaan ini berterusan,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, konsep pensyarikatan Malaysia berjaya dilaksanakan kerana wujudnya kerjasama erat antara pentadbir, sektor awam dan swasta bagi menjayakan segala perancangan pembangunan kerajaan.